



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

FASHION TRENDS DO NOT SATISFY TREN FESYEN TIDAK AKAN MEMUASKAN

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Anzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Anwwalin wal Akhbirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Sheykh Abdullah Daghestani, Sheykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sohba, wal khayru fil jamiyya.*

Manusia pada zaman ini dalam kebingungan, mereka tidak tahu apa hendak buat. Shaytan mempermainkan mereka dengan sesuka hati nya. Manusia tidak puas hati dengan apa yang mereka miliki dan mahu perkara yang baru dan terkini. Ini membawa kepada kegembiraan kepada Shaythan. Bila perkara baru muncul, mereka gelarkan nya Fesyen:

“Tahun ini fesyen ini begini.”

“Apa jadi dengan fesyen tahun lalu?”

“Fesyen itu sudah tiada. . Kita harus menukar fesyen tahun ini. ”

“Apa jadi dengan fesyen tahun lalu?. Adakah tahun lalu fesyen bogel”

“Tidak”

Mereka berpakaian tetapi ‘Berbogel’

“Itulah fesyen tahun lalu. Tahun ini fesyen itu sudah tiada lagi. Kita hendak buat baru.”

Fikiran ini sama dengan semua perkara. Sekarang manusia memiliki beberapa peluang. Mereka mencari cari tetapi tidak menemui nya. Apa yang mereka harus cari bukan lah fesyen tetapi Allah ﷻ. Anda boleh memakai baju yang lama bukan hanya 100 tahun lamanya tetapi 1000 tahun. Tiada halangan untuk memakai nya dan ia boleh di pakai dengan penuh keselesaan. Tetapi golongan orang ini tidak berpuas hati dan mahukan fesyen yang baru yang lebih indah.

Jika kita layankan hawa nafsu ego kita, lebih lagi ego itu dahagakan kepuasan. Hawa nafsu ego kita tidak kenal batas kepuasan. Ia rakuskan perkara baru hingga maut menimpa kita. Ia tidak akan puas. Setiap tahun ada kaedah ‘berikutan kepada fesyen tahun lalu’ fesyen terkini lebih elok. Orang tergoda hendak ikut trend masakini.

Paris kota Perancis adalah pusat Syaithan kerana dia adalah pusat fesyen sedunia. Perancis telah menjadi sebuah negara yang melancarkan berbagai fitna terhadap dunia ini dan khusus nya agama Islam selama 200 tahun. Apa sebab ia berlaku begitu? Satu perkara yang tertakluk dalam bidang kebijaksanaan Allah ﷻ.



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

Ada juga tempat lain, tetapi Perancis amat nyata. Orang orang di sana tidak pernah berpuas hati. Sebenar fesyen tidak ada manfaat bagi mereka

Ia juga tidak bermanfaat untuk kerohanian mereka. Malah ia membunuh kerohanian mereka. Mereka telah mencemarkan dan merosakkan nama baik Islam. Sebenarnya mereka mencederakan diri mereka sendiri. Mereka tidak akan gembira dengan kehidupan mereka, tiada apa yang boleh memuaskan mereka. Lebih sedih lagi mereka akan mengalami kesengsaraan di akhirat (jika mereka tidak bertaubat).

Atas sebab inilah anda harus menuju ke jalan Allah ﷻ, patuh segala hukum hakam Allah, dan ikuti sunnah Rasulullah ﷺ. Jejakilah perjalanan sahabat dan awliyahullah. Mereka memimpin anda ke puncak kesejateraan dan ketenangan lantas membersihkan dan mengindahkan kerohanian anda. Moga Allah rahmati kita semua. InsyAllah.

Wa Minallah at-Tawfeeq.

Al-Fatiha.

Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil
21 January 2016 / 11 Rabiul Akhir 1437
Akbaba Dargah, Sabah Namaz